

TERENGGANU

15,600 belia tiada kerja tetap di Terengganu

28/03/2022 - by Admin UT



KUALA TERENGGANU – Berdasarkan Pusat Pembangunan Sumber Manusia Terengganu, dianggarkan 15,600 orang muda di negeri ini masih belum mempunyai pekerjaan tetap.

Gaji tidak menepati jangkaan dan tekanan kerja tinggi menjadi antara alasan utama orang muda tidak gemar untuk makan gaji.

Kajian pusat pembangunan itu juga menunjukkan semakin ramai orang muda berminat menjadi penghantar makanan dan barangan selain mempengaruhi di media sosial.

Ketua Pegawai Eksekutif TDM Plantation, Hamdan Ibrahim mengakui sukar mencari anak muda untuk bekerja di 13 ladang kelapa sawit milik syarikat itu.

Katanya, tawaran gaji bulanan mencecah RM4,000 dan pelbagai insentif menarik lain seperti kuarters selesa dan pengangkutan percuma masih belum mampu memikat golongan muda.

"Kami perlu sekurang-kurangnya 800 anak tempatan untuk mengisi kekosongan di ladang sawit. Kalau boleh mahu sahut saranan kerajaan untuk mengurangkan pengantungan terhadap pekerja asing," katanya.

Seorang pengusaha restoran, Mohd. Hanafi Enet Ghani pula berkata, dia menghadapi kesukaran untuk mencari pekerja terutama sejak penularan Covid-19.

"Saya perlu sekurang-kurang 10 pekerja untuk membolehkan restoran saya di Jalan Hiliran di sini beroperasi dengan efektif.

"Begitupun, saya sukar memperoleh pekerja muda tempatan walaupun menawarkan gaji minimum RM1,200 sebulan di samping insentif lain yang menarik seperti makan percuma, caruman Kumpulan Wang


Simpanan Pekerja dan bonus keuntungan harian walaupun untuk jawatan tukang cuci pinggan," katanya.

Ujarnya, tambah memeritkan, pekerja yang berusia antara 18 hingga 25 tahun rata-ratanya hanya bertahan bekerja tidak sampai empat bulan.

Tambahnya, kebanyakan pekerja muda terutama dari kawasan bandar sukar untuk menyerap tekanan dan mudah berkecil hati apabila ditegur atau dinasihati.

Kredit : Kosmo!

IKUTI KAMI



TERKINI

Tasik Kenyir: Longgokan kayu akibat banjir akan dikeluarkan segera

Anyam buluh punca rezeki wanita Kampung Jal Kechik

15,600 belia tiada kerja tetap di Terengganu

Zakat fitrah Kelantan RM7

Ahmad Said nafi serah tanah kepada jutawan

RENCANA



Keikhlasan Ismail Sabri Terserlah

22/01/2022



Merapatkan Jurang Wilayah

27/12/2021



Tok Pa, EPU Dan RMK-12

24/12/2021



FELDA Kembali Gemilang

22/12/2021



Ke Arah Negara Beraardapatan Tinggi

20/12/2021

PENDAPAT



Kerajaan Ismail Akan Jatuh? (Suatu Teori Konspirasi)

01/09/2021



Idris Jusoh Sokong PM, Tak Nampak 'Game Plan' Presiden UMNO

05/08/2021



Sumpah Abe Mat Bosan!

08/07/2021



Mengembalikan Kegemilangan FELDA

08/06/2021

RELATED POSTS



Ahmad Said nafi serah tanah kepada jutawan 28/03/2022



Wau naga 70 meter 27/03/2022



Ternak keli dalam kolam renang cucu 26/03/2022

PREVIOUS ARTICLE

Zakat fitrah Kelantan RM7

NEXT ARTICLE

Anyam buluh punca rezeki wanita Kampung Jal Kechik

Leave a Reply

Your email address will not be published. Required fields are marked *

COMMENT

Large text area for user comments.

NAME *

Input field for name.

EMAIL *

Input field for email.


WEBSITE

Input field for website.

Save checkbox.

SAVE MY NAME, EMAIL, AND WEBSITE IN THIS BROWSER FOR THE NEXT TIME I COMMENT.

POST COMMENT button.



Baru 4 Bulan Parlimen Tak Bersidang, Dulu 2 Tahun - Takiyuddin 22/03/2021

POPULAR COMMENTS TAGS



Kanak-Kanak Lemas Di Sungai Sekayu 26/12/2019



Saarvindran Perkuat TFC 26/12/2019



Bapa Kongsi Gambar Gerhana Matahari Di Kuala Terengganu 26/12/2019



Tinta Pengarang: Permulaan Baharu Untuk Ke Hadapan 31/12/2019



Lebu Raya KLK Siap Sedia Laksana RFID Mulai 1 Januari 2020 31/12/2019

ARKIB

- March 2022
February 2022
January 2022
December 2021
November 2021
October 2021
September 2021
August 2021
July 2021
June 2021
May 2021

April 2021
March 2021
February 2021
January 2021
December 2020
November 2020
October 2020
September 2020
August 2020
July 2020
June 2020
May 2020
April 2020
March 2020
February 2020
January 2020
December 2019